AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 33
RUANGAN : DUNIA

AS rugi lebih RM691 bilion walaupun selamatkan 29,000 nyawa

Sekatan Covid-19 ranapkan ekonomi

WSHINGTON – Tiada keraguan bahawa penutupan perniagaan oleh kerajaan bagi membendung penularan Covid-19 telah menjejaskan ekonomi Amerika Syarikat(AS) tetapi kos sebenar masih belum jelas.

Pasukan penyelidik sekolah perniagaan HEC Paris dan Universiti Bocconi di Milan melakukan kajian untuk mendapatkan jumlah kerugian tersebut. Mereka mendapati langkah penutupan perniagaan di AS yang dilakukan bermula Mac hingga Mei lalu dapat menyelamatkan 29,000 nyawa, namun mengakibatkan ekonomi negara kerugian AS$169 bilion (RM691.5 bilion) atau sekitar AS$6 juta (RM24.5 juta) bagi setiap nyawa yang diselamatkan.

"Gabenor-gabenor AS menyelamatkan nyawa di satu sudut tetapi di sudut lain mereka mengurangkan aktiviti ekonomi," kata Jean-Noel Barrot yang merupakan seorang profesor di HEC.

Penggunaan sekatan untuk mengatasi wabak koronavirus terbesar di dunia itu mencetuskan perdebatan politik hangat di AS di mana koronavirus telah menjangkiti lebih 12.2 juta penduduk dan membunuh hampir 257,000 orang.

Kes koronavirus meningkat lagi di seluruh AS dan memaksa banyak negeri sekali lagi melaksanakan sekatan perniagaan.

Bagaimanapun, Barrot memberi amaran bahawa perubahan tingkah laku rakyat AS mungkin menjadikan sekatan perniagaan itu kurang berkesan.

"Sekiranya mereka (rakyat) menjadi lebih bertanggungjawab seperti memakai pelitup muka dan mematuhi langkah keselamatan lain, jangkitan mungkin akan turun," katanya.

Pengkritik-pengkritik berkata, sekatan Covid-19 termasuk mewajibkan pemakaian pelitup muka adalah mencabuli hak privasi seseorang manakala penyokong usaha tersebut percaya ia perlu dilakukan bagi memastikan pandemik terkawal dan terus dibendung.

Satu kajian pada Jun lalu yang diterbitkan dalam jurnal *Nature* mendapati bahawa tanpa penjarakan fizikal dan sekatan perniagaan, AS akan menyaksikan kes Covid-19 mencecah 5.2 juta awal April lalu dan bukannya angka sebenar sekitar 365,000 kes.

Meskipun sekatan di AS tidak seketat negara-negara lain di mana perintah berkurung dikuatkuasakan dan mereka yang melanggar sekatan dikenakan hukuman, kesan sekatan koronavirus terhadap ekonomi AS dapat dilihat dengan segera.

Contohnya, permohonan mingguan untuk elaun pengangguran meningkat, dengan hampir 6.9 juta orang mengemukakan permohonan bantuan itu pada minggu berakhir 28 Mac lalu, manakala kadar pengangguran melonjak kepada 14.7 peratus April lepas berbanding 3.5 peratus pada Februari tahun ini. – AFP



PREMIS perniagaan di sebuah kejiranan di Brooklyn, Bandar Raya New York ditutup kelmarin berikutan peningkatan kes koronavirus. – AFP

India terawal dapat vaksin Covid-19 AstraZeneca/Oxford

GAMBAR ilustrasi di Paris kelmarin menunjukkan picagari dan botol vaksin Covid-19 bersama logo AstraZeneca dan Universiti Oxford. – AFP

Covid-19

NEW DELHI – India akan diberi keutamaan untuk penghantaran vaksin Covid-19 yang dihasilkan AstraZeneca/Oxford selepas farmaseutikal Britain itu mencatat kejayaan dalam ujian klinikal besar-besaran.

Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Institut Serum India, Adar Poonawalla berkata kelmarin bahawa syarikatnya telah mengeluarkan 40 juta dos vaksin AstraZeneca/Oxford itu setakat ini.

"Menjelang Januari 2021, kita seharusnya mendapat minimum 100 juta dos vaksin Covid-19 kerana kita sudah membuat 40 juta dos," kata Adar yang mana bapanya adalah pengasas Institut Serum India kepada stesen televisyen *NDTV*.

Adar berkata, beliau berharap sekitar 90 peratus dos vaksin tersebut akan dapat dijual kepada New Delhi pada harga sekitar 250 rupee (RM12.30) satu dos.

"Sebanyak 90 peratus vaksin AstraZeneca/Oxford itu akan diberikan kepada pemerintah India dan mungkin 10 peratus lagi dijual di pasaran swasta pada harga lebih tinggi iaitu sekitar 1,000 rupee (RM55.20).

"Kami berharap pemerintah dapat memberikan lesen penggunaan kecemasan supaya menjelang akhir Disember ini dan Januari depan, kami dapat mula mengagihkan sejumlah dos," katanya.

AstraZeneca dan Universiti Oxford menyatakan kelmarin bahawa vaksin tersebut telah terbukti 70 peratus berkesan menghentikan virus Covid-19 setelah mencubanya pada 23,000 sukarelawan.

Vaksin itu juga mudah diangkut pada suhu peti sejuk biasa, tidak seperti beberapa vaksin lain yang memerlukan penyimpanan sangat sejuk.

Menurut AstraZeneca, pihaknya merancang untuk menghasilkan sehingga tiga bilion dos vaksin Covid-19 itu pada tahun 2021. – AFP